

12 APR 1996

Mahathir - Tembok

TEMBOK SEMPADAN BUKAN NIAT BERMUSUH DENGAN THAILAND: DR MAHATHIR

PADANG BESAR, 12 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pembinaan tembok di sempadan Malaysia-Thailand tidak bermakna negara ini bersikap bermusuhan dengan jirannya.

Perdana Menteri berkata sebaliknya, ia bertujuan memudahkan urusan pentadbiran di sempadan termasuk mengawal kegiatan penyeludupan.

"Dengan adanya tembok itu, segala urusan dan pentadbiran dapat dilakukan dengan lebih teratur dan baik," katanya ketika merasmikan Kompleks Bersepadu Imigresen dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, di sini.

Kompleks bernilai RM6.9 juta itu mula digunakan pada akhir 1993. Ia menempatkan perkhidmatan Imigresen, LKIM, Kastam, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Pertanian dan Polis.

Dr Mahathir berkata tembok itu sebenarnya tidak dibina betul-betul di atas sempadan tetapi sebaliknya, berada di tanah milik Malaysia, yang mencerminkan sikap Malaysia menghormati jirannya.

Beliau berkata langkah itu bukan sahaja menguntungkan Malaysia malahan memberi manfaat kepada Thailand dari segi pengawalan sempadan.

Ia juga berjaya mengurangkan kegiatan penyeludupan seperti yang dilihat pada pertambahan jumlah cukai yang dikutip, katanya.

Mengenai Padang Besar, Dr Mahathir berkata beliau yakin bandar itu dapat membangun sekiranya penduduknya sanggup berusaha merebut peluang perniagaan.

Katanya, terdapat banyak peluang yang wujud hasil kerjasama Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) yang dapat menggerakkan pertumbuhan bandar ini.

"Kalau penduduk pandai merebut peluang, tidak ada sebabnya Padang Besar tidak boleh membangun setanding dengan bandar-bandar sempadan yang lain," katanya.

Beliau berkata bahawa rancangan pembinaan landasan berkembar bagi perkhidmatan keretapi antara Singapura dan Bangkok juga akan mempercepatkan pembangunan bandar ini baik dari segi perdagangan mahupun pelancongan.

Mengenai permintaan Kerajaan Perlis agar Padang Besar dijadikan kawasan bebas cukai, Dr Mahathir berkata permohonan akan dipertimbangkan oleh Kabinet.

Beliau berpendapat status itu juga antara langkah yang boleh dilaksanakan untuk mempercepatkan pertumbuhan bandar ini.

Ketika bercakap mengenai urusan pentadbiran di pintu masuk sempadan, beliau berkata selain keadaan persekitaran yang bersih dan indah, perkhidmatan yang sempurna dan layanan kakitangan yang memuaskan memberikan gambaran awal kepada rakyat asing mengenai keadaan negara secara keseluruhannya.

Beliau juga menyatakan rasa puas hatinya dengan kompleks bersepadu Padang Besar ini, yang merupakan antara kompleks pemeriksaan sempadan yang tercantik.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menanam pokok jati emas sebelum melawat pusat Imigresen dan bangunan pemeriksaan LKIM.

Terdahulu Perdana Menteri melakukan upacara pecah tanah tapak Taman Perindustrian Sungai Chuchoh dekat sini dan menyaksikan majlis menandatangani 21 memorandum persefahaman (MoU) membabitkan Kerajaan Negeri, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENP) serta 19 syarikat swasta asing dan tempatan.

Antara memorandum yang ditandatangani pada majlis tersebut ialah projek

industri pembuatan pesawat kecil jenis 19 tempat duduk yang membabitkan usaha sama PKENP dengan Aeromax International Inc. dari Amerika Syarikat.

Semasa berucap pada majlis berkenaan, Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim berkata sehingga tahun ini tujuh syarikat besar melabur di negeri ini.

Katanya, kerajaan negeri sentiasa memberi galakan kepada pelabur dengan memberi pelbagai kemudahan termasuk mempermudah proses untuk mendapatkan tanah, masalah perlesenan di samping menyediakan tenaga buruh yang mencukupi untuk keperluan industri.

Beliau berkata, kawasan perindustrian Sungai Chuchoh yang meliputi kawasan seluas 702 hektar adalah kawasan industri moden yang menyediakan pelbagai kemudahan termasuk industri kecil dan sederhana, pusat penyelidikan dan pembangunan, kawasan kediaman, padang golf serta pusat pengajian tinggi. -- BERNAMA